

12/11/2000

Media asing tunggu ketibaan Mahathir

KEHADIRAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kelapan di Bandar Seri Begawan, dinantikan penuh minat oleh kalangan pegawai serta wartawan.

Mereka menantikannya kerana ingin mengetahui pendirian sebenar Malaysia mengenai cadangan pusingan baru rundingan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) serta beberapa isu global.

Bagi wartawan asing pula, kelantangan Kuala Lumpur berhubung beberapa isu antarabangsa menjadi antara faktor utama kenapa Dr Mahathir terus menjadi buruan.

Perdana Menteri dijadualkan tiba di sini Rabu ini, terus dari Doha, Qatar, tempat beliau menghadiri mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Selain Dr Mahathir, pemimpin dunia yang akan menghadiri dan berucap pada forum ini ialah Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton; Presiden China, Jiang.

Zemin; Presiden Russia, Vladimir Putin; dan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori.

Sementara itu, lebih 500 wartawan dan jurugambar dari seluruh dunia mula berkampung di Pusat Media Antarabangsa (IMC) bersebelahan tempat berlangsungnya mesyuarat tidak rasmi ketua-ketua kerajaan Apec.

Lebih ramai wartawan dijangka datang menjelang minggu depan.

Media elektronik ditempatkan di tingkat bawah, manakala media cetak di tingkat dua bangunan yang terletak di lereng bukit menghadap Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah.

Lebih 60 komputer dengan rangkaian Internet disediakan bagi kemudahan wartawan menghantar bahan menggunakan e-mel. Kebanyakan wartawan menggunakan laptop masing-masing.

Di IMC, bahan-bahan bacaan termasuk buku, majalah dan suratkhbar dibekalkan secara percuma selain pelbagai risalah dan kenyataan akhbar yang diedarkan dari semasa ke semasa.

Antara buku yang diberi secara percuma ialah Islamic Monetary Issues of Brunei Darussalam yang diusahakan oleh Jabatan Mufti Negara dan Bank Islam Brunei.

(END)